ڤجابة ڤڠاره تانه دان ݢاليـن ترڠݢانو.
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.
*Telefon* : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 *Fax.* : 09-6229887
3100 – 3115

PTG.TR. G/05/1988/06/02 - (69)

15 Ogos 1998
22 R' Akhir 1419

Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.
Pentadbir Tanah, Dungun.
Pentadbir Tanah, Kemaman.
Pentadbir Tanah, Besut.
Pentadbir Tanah, Marang.
Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.
Pentadbir Tanah, Setiu.

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 4/1998 - PINDAAN ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 2/1996 PENYELARASAN SYARAT NYATA DAN SEKATAN KEPENTINGAN**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas, Yang Berhormat, Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu ada memberi pandangan supaya Syarat Nyata yang dikenakan ke atas tanah-tanah jenis Bangunan/Perusahaan diperkemaskan bagi kemudahan tindakan dibawah Seksyen 125 Kanun Tanah Negara jika ada pelanggaran syarat.

2. Bagi mencapai tujuan di atas serta mengambilkira untuk menepati kehendak Seksyen 122 para (c) Kanun Tanah Negara, pengenaan Syarat Nyata tanah-tanah jenis Bangunan/Perusahaan adalah dipinda dipara (II) dengan menambah selepas perkataan "didirikan/mendirikan" dengan perkataan "dan disiapkan dengan sempurna ................................ mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan".

3. Syarat-syarat lain yang dikenakan terdahulu oleh Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 2/1996 adalah dikekalkan.

Sekian.

***" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "***

Saya yang menurut perintah,

***( DATO' ARIA NEGARA )***
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.



Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

s.k.

1. Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
**<u>Terengganu.</u>**

2. <u>Fail Timbul.</u>

*MGA/HMS/rar.*
*Su(PTD). Disk 1E.*